



# PORTULACA

## Tumbuhan Kosmopolitan

Pokok *Portulaca* daripada keluarga *Portulacaceae* ialah tumbuhan herba yang bukan sahaja terkenal sebagai tanaman hiasan, tetapi juga kepelbagaian kegunaan dan khasiat perubatannya. Walaupun masyarakat lebih mengenali tumbuhan ini sebagai pokok bunga ros jepun, tumbuhan ini juga mempunyai nama lain, seperti gelang pasir, rumput beremi, segan jantan dan pokok kembang pukul sepuluh.

Sehingga kini, lebih kurang 40 spesies *Portulaca* direkodkan di seluruh dunia. Spesies ini kerap ditemukan, terutamanya di kawasan tropika dan subtropika. Di Semenanjung Malaysia, ada tiga spesies yang dapat ditemukan, iaitu *Portulaca oleracea* (purslane), *P. quadrifida* dan *P. pilosa* subspesies *pilosa*. Spesies yang popular dengan

nama pokok ros jepun, iaitu *Portulaca grandiflora* ialah spesies yang berasal dari Amerika Selatan. Spesies ini spesies kesukaan peminat tanaman hiasan.

Secara semula jadinya, tumbuhan kosmopolitan ini tumbuh liar di kawasan tanah berpasir yang berhampiran dengan pantai, tanah terbiar dan kawasan terganggu. Tumbuhan ini mempunyai



*Portulaca oleracea* memiliki bunga kuning kecil yang tumbuh meliar di kebanyakan kawasan.


sifat yang tahan lasak dan mampu beradaptasi terhadap pelbagai keadaan dan jenis tanah, terutamanya jenis tanah yang poros dan bersaliran baik.

Tumbuhan ini juga sering ditanam di kawasan lapang dan berfungsi sebagai tanaman penutup bumi. Daun *Portulaca* agak tebal dengan pelbagai bentuk

dan saiz. *Portulaca* menghasilkan buah berbentuk kapsul kecil dengan biji yang banyak dan berwarna coklat kehitaman.

Tumbuhan ini membiak secara keratan batang yang matang atau biji benih. Secara biasanya, *Portulaca* mampu mencapai ketinggian hingga 30 cm dan berupaya menyimpan air pada daun dan batang. Pokok ini dapat ditanam terus di atas tanah kerana tumbuh secara menjalar dan sesuai ditanam di dalam pasu. Berdasarkan rekod dan pemerhatian, biji benihnya disebarkan oleh air dan burung.

*Portulaca grandiflora* memiliki kelopak bunga pelbagai warna yang menarik, seperti jingga, kuning, putih dan merah jambu. Kepelbagaian warna ini menjadi daya tarikan bagi peminat tumbuhan untuk menanam pokok ini. Selain itu, penjagaannya yang mudah ialah faktor utama yang menyebabkan pokok ini sesuai dijadikan sebagai tanaman hiasan, di samping musim



*Sesuvium portulacastrum* daripada keluarga *Alzooaceae* seakan-akan menyerupai *Portulaca*. Pokok ini sering ditemukan di kawasan berpasir yang berhampiran dengan pantai.

berbunganya yang berlangsung pada sepanjang tahun.

Jika cahaya matahari yang mencukupi diperolehi, tumbuhan ini mengeluarkan bunga yang lebih banyak. Bunganya mula mekar antara pukul 9 pagi – 10 pagi, dan mula layu menjelang tengah hari. Namun begitu, pada keesokan harinya, kuntuman bunga baharu mula mekar.

Hampir seluruh bahagian pokok *Portulaca oleracea* berguna dan berkhasiat. Yang menariknya, pokok ini antara sayur yang paling awal dimakan oleh manusia. Bahagian daun dan pucuk mudanya dapat dimakan mentah dan dijadikan sebagai salad. Rasanya sedikit masam dan masin seakan-akan sayur bayam. Pokok ini juga dikatakan mempunyai kandungan nutrien, seperti asid askorbik dan beta-karotena yang tinggi, serta bersifat antioksidan.

Walaupun bagaimanapun, spesies ini mempunyai rekod yang tidak baik kerana disenaraikan dalam 10 spesies rumpai di dunia. Spesies ini dapat merebak dengan pantas kerana mempunyai beribu-ribu biji dan mampu mengancam tumbuhan lain yang berada

di sekitarnya. Di beberapa negara luar, spesies ini dikenali sebagai rumpai yang berkhasiat.

*Portulaca pilosa* subspesies *pilosa* yang lebih dikenali sebagai penawar dikatakan mempunyai khasiat dari segi perubatan. Bagi merawat luka kecil atau bisul, daunnya dilumatkan dan diletakkan pada luka. Ada pelbagai kegunaan perubatan bagi kedua-dua spesies ini. Namun begitu, penggunaannya yang meluas ini masih belum disahkan oleh kajian klinikal.

Di Semenanjung Malaysia, *Portulaca quadrifida* atau rumput segan hanya direkodkan di dua tempat, iaitu Perak dan Melaka, antara tahun 1893 – 1941. Sehingga kini, berdasarkan penyelidikan, didapati bahawa spesies ini tidak lagi ditemukan di kawasan yang pernah direkodkan ini. Oleh sebab itu, yang menjadi persoalan pada masa ini ialah kewujudan atau kepupusannya di Malaysia.

Nilai perubatan spesies *Portulaca* masih belum banyak diterokai. Oleh hal yang demikian, penyelidikan perlu mengkaji tumbuhan ini agar khasiatnya dapat dikongsi oleh seluruh masyarakat.

Penulis Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)



*Portulaca pilosa* subspesies *pilosa* memiliki bunga berwarna ungu gelap dan mudah ditemukan di kawasan berpasir yang berhampiran dengan pantai.